

## PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT OLEH PELAJAR

### MRSM TAIPING, PERAK 2019

#### JUSTIFIKASI PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

1. Memudahkan **perhubungan** antara pelajar, guru dan ibu bapa.

#### SPESIFIKASI TELEFON BIMBIT

1. Telefon tanpa perisian Android atau iOS
2. Telefon tanpa aplikasi Kamera.

#### PELAKSANAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (S.O.P)

##### PENGGUNAAN IPAD.

1. Penggunaan telefon bimbit hendaklah didaftar melalui **unit ICT MRSM Taiping, Perak.**
2. Bayaran sebanyak RM20.00 setahun (RM 10 per semester) akan dikenakan. Bayaran ini adalah untuk kos pengurusan (pelekat dan resit) serta kos pengecasan (elektrik).
3. Telefon akan **dilabel** dengan pelekat khas. Jika hilang, pelajar dkehendaki mendaftar semula dengan bayaran RM10.00.
4. Pendaftaran perlu dibuat **setiap semester.**
5. Pelajar perlu **menandatangani Aku Janji Pematuhan Syarat Penggunaan Telefon** semasa pendaftaran dibuat.

##### SYARAT PENGGUNAAN

1. Pelajar hanya dibenarkan mendaftar/ membawa/ menggunakan **SATU** telefon bimbit dan telah berdaftar serta mempunyai pelekat pengesahan maktab sahaja.
2. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk tujuan mengecas telefon bimbit.

3. Penggunaan telefon bimbit **TIDAK DIBENARKAN** di
  - i. **BLOK AKADEMIK**
  - ii. **SURAU**
  - iii. **DEWAN SRI LARUT**
4. Penggunaan telefon bimbit adalah tanggungjawab pelajar sendiri. Pihak maktab **TIDAK** akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jua kerosakan, kehilangan atau akibat daripada penggunaan tersebut.
5. Pihak maktab **TIDAK** akan bertanggungjawab, menanggung kos atau terbeban atas apa jua jenis kemalangan atau musibah akibat daripada penggunaan telefon bimbit oleh pihak pelajar.
6. Pihak maktab **BERHAK** untuk mengambil telefon bimbit pelajar bagi tujuan pemeriksaan tanpa perlu kebenaran atau dimaklumkan atau sebaliknya kepada pemiliknya pada bila-bila masa atau tempat yang difikirkan perlu.
7. Pemilik telefon bimbit adalah **TERTAKLUK** kepada sebarang perubahan peraturan penggunaan telefon bimbit dari masa ke semasa.
8. Penggubalan/penguatkuasaan peraturan-peraturan baru adalah di bawah takluk kuasa maktab. Penggubalan/penguatkuasaan mana-mana peraturan yang difikirkan perlu boleh dilakukan **TANPA** perlu mendapatkan persetujuan atau memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak terlibat.
9. Telefon yang dirampas akan dilabel, direkod dan disimpan di bawah pemantauan Pengetua /Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar (TPPP).
10. Pemulangan hanya akan diberikan kepada pemilik asal yang berdaftar atau penjaga yang sah sahaja selepas **tamat pengajian di MRSM** dengan membayar **denda sebanyak RM50.00**. Sebarang rayuan selepas rampasan tidak akan dilayan sehingga waktu pemulangan yang ditetapkan pihak maktab